

**AKTIVITI INTELEKTUAL MELALUI PENERBITAN
PENGGERAK IDEA KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA-
BANGSA DI TANAH MELAYU SEBELUM PERANG DUNIA
KEDUA, 1900-1941**

*(INTELLECTUAL ACTIVITIES THROUGH PUBLICATION AS THE
CATALYST IDEAS FOR RAISING AWARENESS OF THE NATION-STATE
BUILDING IN MALAYA BEFORE THE WORLD WAR II, 1900-1941)*

Khairul Ghufran Kaspin, Mohd Samsudin & Azlizan Mat Enh

Abstrak

Negara-bangsa ialah sebuah negara yang berdaulat yang mempunyai penduduk dengan kesedaran bahawa terdapat persamaan dalam kalangan mereka. Persamaan tersebut dapat dilihat dari segi tradisi lama, adat dan bahasa yang dikongsi bersama-sama dalam kalangan mereka yang tinggal dalam sebuah wilayah negara-bangsa. Artikel ini membincangkan aktiviti intelektual melalui penerbitan yang mengetengahkan idea-idea mengenai pembinaan negara-bangsa di Tanah Melayu. Pada awal abad ke-20 di Tanah Melayu, idea-idea negara-bangsa yang diketengahkan dalam penerbitan banyak berkisar mengenai isu-isu yang menuntut masyarakat Melayu memperbaiki kehidupan lantas dapat bangkit daripada kemunduran. Namun isu-isu yang diketengahkan tersebut sedikit demi sedikit menjadi agak signifikan sehingga ia menjadi idea-idea asas pembinaan negara-bangsa di Tanah Melayu sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu pada tahun 1941. Kajian ini menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif sejarah dengan menggunakan kaedah analisis dokumen ke atas penerbitan-penerbitan seperti akhbar dan majalah yang terbit sebelum Perang Dunia Kedua seperti *Al-Imam*, *Al-Ikhwān*, *Majalah Guru*, *Majlis*, *Saudara* dan *Warta Malaya*. Di samping itu, kaedah penulisan dan analisis terhadap sumber kedua juga digunakan untuk menghasilkan analisis penulisan yang lebih luas. Hasil dapatan kajian memperlihatkan bahawa pada awalnya, tiada ciri-ciri khas mengenai idea negara-bangsa di Tanah Melayu yang diketengahkan dalam penerbitan pada awal abad ke-20. Namun, terdapat satu elemen negara bangsa moden yang diketengahkan ketika itu, iaitu mengenai persamaan dari sudut tempat kelahiran atau dibesarkan. Justeru, hal berkaitan idea negara-bangsa tersebut terus dikembangkan pada dekad seterusnya sehingga mewujudkan idea-idea negara-bangsa bagi Tanah Melayu. Idea-idea tersebut termasuklah berkaitan dengan bentuk kerakyatan, ciri anak watan, hak-hak masyarakat setempat, takrif Melayu dan bahasa Melayu. Pada dekad awal 1940-an pula, isu-isu yang diketengahkan dalam penerbitan mula memperincikan idea-idea tersebut.

Kata Kunci: Intelektual, idea, Negara-bangsa, penerbitan, Tanah Melayu

Abstract

*A nation-state is a sovereign state where the population has the common awareness among them. The common awareness can be seen in terms of the old traditions, customs and languages that are shared among those who live within the boundaries of a nation-state. This article discusses about the intellectual activities through publications that highlight ideas about nation-state building in Malaya. At the beginning of the 20th century in Malaya, the ideas of the nation-state that were highlighted in many publications revolved around issues that required the Malay community to improve their lives and then be able to rise from backwardness. However, the issues highlighted steadily increased became quite significant until it became the nation-state foundation ideas in Malaya until the outbreak of the Second World War in Malaya in 1941. This study uses a qualitative historical approach by using the content analysis documents method on publications such as newspapers and magazines published before the Second World War such as *Al-Imam*, *Al-Ikhwan*, *Majalah Guru*, *Majlis*, *Saudara* and *Warta Malaya*. In addition, the method of writing and analyzing on secondary sources is also used to produce a broader analysis of writing. The results of the study show that initially, there were no specific characteristics about the idea of a nation-state in Malaya that was highlighted in publications in the early 20th century. However, there was one element of the modern nation-state that was highlighted at that time, which was about equality from the point of view of the place of birth or upbringing. Thus, the matters related to the nation-state idea continued to be developed in the next decade until the creation of nation-state ideas for Malaya. These ideas include those related to the form of citizenship, the characteristics of natives, the rights of the local community, the definition of Malay and the Malay language. In the early decade of the 1940s, the issues highlighted in the publication began to explore those ideas.*

Keywords: *Intellectual, idea, Malaya, nation-state, publication*

PENGENALAN

Negara-bangsa ialah sebuah negara yang berdaulat dengan penduduk yang mempunyai kesedaran bahawa mereka mempunyai persamaan. Persamaan tersebut dapat dilihat dalam kalangan masyarakat yang tinggal dalam sebuah wilayah yang sama berasaskan bahasa, adat dan tradisi lama yang dikongsi bersama. Dari sudut kewujudannya, sesebuah negara-bangsa merupakan entiti yang bebas daripada konsep dunia empayar dan berada di bawah kedaulatan dan kekuasaan raja yang mutlak. Setiap wilayah yang telah membentuk negara-bangsa biasanya mengandungi penduduk yang berteraskan satu bangsa, satu bahasa, satu kesusasteraan dan satu kesedaran kebangsaan. Raja yang berada dalam sebuah negara-bangsa tersebut juga mempunyai hak untuk mengisytiharkan perang, mengenakan cukai, mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang (Sivachandralingam 2002). Selain itu, negara-bangsa juga merujuk kepada sekumpulan manusia yang merasai mereka sebagai satu komuniti setelah mereka boleh menerima pakai perbezaan sejarah, kebudayaan, warisan dan asal-usul yang mereka lalui (Kellas 1998). Dalam istilah yang mudah, bangsa adalah roh manakala negara adalah jasad yang menjadi pelindung (*container*) kepada bangsa dengan menyediakan perisai untuk perlindungannya (Reynolds 2005).

Dalam konteks sejarah dunia, konsep negara-bangsa yang wujud adalah berbeza-beza mengikut perubahan di negara tersebut. Jika di Eropah, negara-bangsa merupakan konsep dan ideologi yang bermula daripada bangsa Eropah terutamanya di bahagian barat yang mengalami masalah nasionalisme sehingga menyebabkan berlakunya peperangan antara bangsa mereka dan telah mencetuskan revolusi. Pembentukan negara-bangsa di Eropah juga merupakan suatu peralihan daripada penekanan terhadap sistem monarki kepada kedaulatan terhadap negara seperti yang berlaku dalam peristiwa Revolusi Perancis pada tahun 1789 (Azmi 2003). Perkara tersebut telah menjadi punca kuasa terhadap perkembangan pengaruh pembentukan negara-bangsa di seluruh pelusuk Eropah dan kemudiannya dunia.

Manakala dalam konteks sejarah Tanah Melayu, pembentukan negara-bangsa bergerak seiring dengan perkembangan nasionalisme setelah wujudnya kesedaran subjektif akan ciri-ciri, nasib dan kesedaran bersama dalam kalangan anggota masyarakat terhadap perlunya menghalau penjajah dan mendirikan sebuah negara yang berdaulat. Membincangkan hal berkaitan penjajah, pelbagai bentuk peristiwa dan perjuangan awal telah meletus sejak sekian lama dalam usaha melawan penjajah di Tanah Melayu (Abdul Rahman 2015). Sekitar awal abad ke-20, aktiviti intelektual seperti penulisan dan penerbitan yang berlaku dalam kalangan masyarakat ketika itu telah menjadi pencetus kepada asas kesedaran pembinaan negara-bangsa di Tanah Melayu. Penerbitan seperti *Al-Imam* yang digerakkan oleh reformis daripada kelompok Kaum Muda memainkan peranan yang sangat penting terhadap perkara tersebut. Terbitnya jilid pertama *Al-Imam* pada tahun 1906 adalah sangat signifikan kerana penerbitan tersebut diakui sebagai tahun terbitnya semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat Melayu (Khoo 2001). Penerbitan di Tanah Melayu pada awal abad ke-20 ini banyak menyetengahkan elemen agama sebagai objektif utama penulisan (Hamedy 2010). Walaupun penerbitan *Al-Imam* hanya diterbitkan antara tahun 1906 hingga tahun 1908, namun idea yang diketengahkan dalam penulisannya begitu signifikan dalam membentuk idea-idea pembinaan negara-bangsa di Tanah Melayu pada dekad-dekad yang seterusnya pada abad ke-20 (Kamarul 2018).

Selanjutnya, pada suku abad ke-20 di Tanah Melayu, telah memperlihatkan kedinamikan usaha pembinaan negara-bangsa diteruskan lagi oleh aktiviti intelektual melalui penerbitan. Hal tersebut dapat dilihat apabila penerbitan-penerbitan selanjutnya terus aktif menggerakkan kesedaran pembinaan negara-bangsa di Tanah Melayu. Penerbitan tersebut termasuklah *Majalah Guru* yang mula diterbitkan pada 1924, *Al-Ikhwān* yang mula terbit pada 1926, *Saudara* yang mula diterbitkan pada 1928, *Warta Malaya* yang mula diterbitkan pada 1930 dan *Majlis* yang mula diterbitkan pada 1931. Namun dalam hal ini, majoriti aktiviti intelektual melalui penerbitan tersebut terhenti apabila meletusnya Perang Dunia Kedua yang melibatkan Tanah Melayu pada tahun 1941. Walau bagaimanapun, aktiviti intelektual tersebut telah menjadi penggerak kesedaran terhadap pembinaan negara-bangsa terutamanya kepada masyarakat Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

AKTIVITI INTELEKTUAL DI TANAH MELAYU MEMBINA ASAS NEGARA-BANGSA PADA AWAL ABAD KE-20

Pada awal abad ke-20 di Tanah Melayu, terdapat sekelompok golongan intelektual yang digelar Kaum Muda. Ia merupakan gelaran popular kepada reformis Melayu yang mendapat pendidikan dari Timur Tengah. Mereka mendapat inspirasi daripada gerakan pembaharuan dan kemerdekaan yang berlaku seperti di Mesir, Turki, India dan Indonesia untuk mengubah pemikiran dan amalan beragama masyarakat setempat (Silcock & Aziz 1950). Antara kaedah yang digunakan oleh mereka termasuklah melalui penulisan dalam penerbitan seperti *Al-Imam* sebagai medium perjuangan dalam usaha mengkritik pentadbiran yang dijalankan oleh British di Tanah Melayu ketika itu di samping mengkritik juga golongan aristokrat. Mereka menganggap bahawa kedua-dua golongan tersebut kurang mengambil berat tentang kemunduran masyarakat Melayu ketika itu (Khoo 2001).

Dalam penerbitan *Al-Imam*, Kaum Muda cuba memberi kesedaran terhadap masyarakat Melayu akan peri pentingnya untuk bangkit daripada perkara-perkara seperti kelalaian, kemiskinan dan menuntut kemerdekaan daripada pihak penjajah agar dapat mentadbir dan mempunyai sebuah negara-bangsa sendiri. Memetik pandangan yang dilontarkan melalui *Al-Imam* berkaitan kepentingan bernegara sendiri:

“.. kembalilah atas umat itu kemerdekaannya dan kemuliaannya dan memakailah watan itu pakai kehidupan dan ajiat (sejahtera). Dan terkadang menjadikan kezurran setengah daripada kita pada takdir (lalai) mehidmatkan akan tanah air yang mulia bahawa ia itu daif lagi fakir pada hal adalah tuhan Jalla Jallallah menjadikan ia akan segala rasul dan segala anbia dan kebanyakan orang termasyhur...supaya membangkitkan ia pada sekalian manusia akan nyawa angan-angan pada segala pekerjaan yang besar-besar serta mengerjakannya.” (Al-Imam, Jilid 1, V, 1906).

Berkait dengan latar belakang keadaan di Tanah Melayu ketika itu, kritikan terhadap pentadbiran British di Tanah Melayu merupakan cara menyedarkan masyarakat tentang pentingnya untuk mebabaskan diri daripada belenggu penjajah dan memerintah sendiri negara-bangsa yang merdeka. Perkara tersebut dinyatakan dalam petikan di bawah:

“Maka inilah sesetengah siasah ajanib [orang asing], sejabat-jabat siasahlah yang dilakukan di muka bumi ini. Maka patutlah segala bangsa-bangsa umat timur itu mengambil ibarat dan cemburu yang bersungguh-sungguh pada melepaskan dirinya dari perhambaan yang amat hina yang tiada satu umat pada masa ini mendapat kehinaan yang terlebih daripadanya.” (Al-Imam, Januari 1907).

Petikan tersebut dapat difahami bahawa penulisan menggunakan istilah ‘ajanib’ bagi menggambarkan pihak penjajah dan menuntut agar masyarakat setempat sebagai kelompok yang dijajah perlu membebaskan diri mereka kerana perkara seperti penjajahan tu merupakan sebuah kehinaan. Penulisan *Al-Imam* juga mengetengahkan idea dari sudut kewaspadaan terhadap penjajahan ketika itu dan jika perlu, kekuatan dan tenaga perlu dikumpul untuk menghadapi pentadbiran penjajah. Perkara tersebut berbunyi sepererti:

“Maka telah buruklah keadaan dan berbahaya anak negeri tanah jajahan ini, telah bersedialah serigala [penjajah] itu yang telah diajar untuk menghancurkan mangsanya serta mengawasi gerak-geri mangsa-mangsanya. Maka perlulah kita rakyat tanah jajahan berwaspada dan mengumpulkan kekuatan dan tenaga. Maka jika tidak kita bertolong-tolongan sedang umat [kita] golongan yang kecil maka binasalah kita dan rugi.” (Al-Imam, Mac 1907)

Dalam masa yang sama, *Al-Imam* menyeru agar masyarakat Melayu mengambil contoh tentang kegigihan masyarakat Cina yang sanggup berhijrah dari Tanah Besar menuju ke Tanah Melayu demi mengubah nasib hidup. Kegigihan masyarakat Cina itu diuraikan:

“Lihatlah kebanyakan bangsa Cina keluar ia daripada negerinya datang ia ke negeri kita kebanyakan mereka itu sampai ke mari dengan segulur tikarnya dan sebelah seluarnya berikat perutnya. Datang mereka itu ke mari kerana hendak menghilangkan laparnya dengan usaha titik peluhnya maka telah jadi kebanyakan mereka itu tuan tanah atau tuan rumah empunya kebun dan harta empunya gudang dan kota menjalankan pekerjaan pada tiap-tiap gudang dan bank.” (Al-Imam, 12 Julai 1907)

Selanjutnya, penulisan dalam *Al-Imam* juga mengetengahkan perbandingan kemajuan dari negara-bangsa sebelah timur yang dilihat sebagai model kerana mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan kuasa-kuasa barat. Model negara-bangsa tersebut adalah Jepun dan penulisan *Al-Imam* memetik:

“Tiada syak tuan sekalian pada saya bahawa bangsa sebelah timur akan bersuka-sukaan pada masa ini dan bersedia-sedia kerana kebangkitan yang besar lebih daripada tapis-tapis yang lalu bahawanya tiap-tiap seorang sebelah timur akan berkata kepada dirinya dan bagi orang yang disisinya. Apabila adalah Jepun itu telah naik darjahnya dan kemaraannya maka tidak dapat tiada kita sekalian bangsa sebelah timur akan naik pula. Kerana barang siapa yang berjalan di atas jalan itu [seperti yang dilalui oleh Jepun] nescaya sampai.” (Al-Imam, 10 Ogos 1907)

Selain mengambil Jepun sebagai model negara-bangsa dari timur yang baik untuk dicontohi, cetusan itu untuk memerdekakan diri dari penjajahan British diketengahkan juga oleh *Al-Imam* seperti yang diperjuang oleh negara-negara lain di Asia seperti India, China, Mesir dan Parsi. Petikan tersebut menyatakan:

“Sebagai lagi setengah daripada perubahan masa iaitu telah ada gerak kebebasan [kemerdekaan] di India. Dan ada gerak goncang [revolusi] di China. Dan bangkit kehidupan di Parsi. Dan hampir berbuah perusahaannya kehidupan di Mesir.” (Al-Imam, 10 Ogos 1907)

Dalam masa yang sama, idea penulisan dalam *Al-Imam* juga mula mengetengahkan perkara seperti persamaan. Persamaan dari sudut masyarakat yang hidup daripada latar belakang keturunan

yang berbeza di Tanah Melayu namun mempunyai persamaan tempat lahir atau dibesarkan dan objektif membina negara-bangsa yang sama. Perkara tersebut adalah elemen penting yang terdapat dalam pemikiran masyarakat yang tinggal dalam sebuah negara-bangsa. Idea tersebut berbunyi:

“Sudah minum kami akan air susunya dan telah tumbuh daripadanya daging darah kami dan telah terbit daripadanya nikmat perbiasan kesenangan kami. Tidakkah jadi terbutang kami kepada negerinya dan anak-anaknya?” (Al-Imam, 12 Julai 1907)

Secara ringkas, awal abad ke-20 memperlihatkan aktiviti intelektual melalui penerbitan telah memulakan gerak kesedaran pembinaan negara-bangsa di Tanah Melayu melalui lontaran idea-idea dalam penerbitan seperti *Al-Imam*. Walaupun tiada idea jelas seperti ciri-ciri pembinaan sebuah negara-bangsa moden yang diketengahkan, namun idea-idea melalui penulisan tersebut begitu signifikan dalam merangsang pembentukan idea negara-bangsa dalam dekad-dekad seterusnya di Tanah Melayu. Ketika itu, idea negara-bangsa hanya berkisar mengenai kesedaran untuk membebaskan diri daripada penjajah, kewaspadaan terhadap pentadbiran penjajah, sikap gigih bangsa asing, model negara-bangsa yang hebat dari timur dan semangat negara-bangsa Asia yang bangkit menentang penjajah. Namun, terdapat satu elemen negara-bangsa moden yang diketengahkan dalam penulisan *Al-Imam* iaitu membincangkan hal berkaitan persamaan. Persamaan tersebut merujuk kepada persamaan tempat lahir atau dibesarkan lantas perkara tersebut telah membentuk objektif atau perasaan yang sama untuk membebaskan tanah tempat dibesarkan daripada penjajah.

ISU-ISU PENERBITAN PADA AWAL DEKAD 1930-AN MENGGAMBARAKAN IDEA NEGARA-BANGSA DI TANAH MELAYU

Pada suku abad ke-20, dunia menyaksikan kelahiran sebuah negara-bangsa moden yang baru iaitu Republik Turki hasil daripada pembaharuan yang dilakukan oleh pengasas Turki moden, Mustafa Kamal Atatürk. Negara-bangsa Turki moden tersebut terbentuk setelah berakhirnya Perang Dunia Pertama (1914-1918). Empayar Turki Uthmaniyyah yang mengambil bahagian dalam perang tersebut namun pakatan mereka bersama Jerman tewas. Setelah tewas pada Perang Dunia Pertama, Turki telah melalui beberapa fasa perubahan, melalui zaman Perang Kemerdekaan Turki (1919-1923) sehinggalah terbentuk sebuah negara bangsa Turki moden pada tahun 1924 yang menggantikan empayar Turki Uthmaniyyah yang bertahan selama hampir enam dekad (Pauline 2004). Pemodenan yang dilakukan ke atas negara-bangsa Turki yang baru ini menjadi buah mulut terutamanya dalam kalangan dunia Islam termasuk di Tanah Melayu. Seorang tokoh daripada Kaum Muda, Syed Syekh al-Hadi banyak melontarkan idea beliau terhadap sokongan pengasasan negara-bangsa Republik Turki tersebut (Kamarul 2018).

Dalam masa yang sama juga, penerbitan-penerbitan di Tanah Melayu juga mula bertambah dan berkembang seiring dengan idea-idea yang dilontarkan dalam penerbitan tersebut. Dan terdapat juga penulisan mula mengetengahkan model negara-bangsa Republik Turki sebagai contoh terhadap negara-bangsa yang ingin dibentuk di Tanah Melayu. Sehubungan itu, asas idea pembentukan negara-bangsa yang diketengahkan pada awal abad ke-20 telah merangsang aktiviti intelektual di Tanah Melayu pada dekad yang seterusnya. Kesenambungannya, pada awal dekad 1930-an, aktiviti intelektual melalui penerbitan semakin menggalakkan. Idea pembentukan negara-bangsa juga semakin berkembang. Sebagai contoh, penulisan mula mengetengahkan kemampuan masyarakat setempat untuk membina sebuah negara-bangsa di Tanah Melayu. Hal tersebut berkait dengan terdapat permasalahan yang lebih utama perlu diselesaikan terlebih dahulu seperti kemiskinan dan kejahilan berbanding membentuk negara-bangsa yang merdeka. Petikan tersebut berbunyi:

“Sebab pertama-tamanya kita belum layak memerintah negeri. Yang kedua kita tiada boleh mendapat kekuatan bagi mengetengahkan seterusnya yang datang itu. Jika sekarang kita di bawah pemerintah kerajaan British yang bangsanya makan daging maka sekurang-kurangnya jika tiada dapat kita makan daging sama bolehlah juga kita menghisap tulangnya.” (Al-Ikhwan, 16 Sept 1926)

Petikan tersebut dilihat mula menunjukkan sikap yang rasional terhadap pembinaan negara-bangsa di Tanah Melayu yang mana terdapat masalah yang perlu diselesaikan terlebih dahulu dalam

kalangan masyarakat. Terdapat juga perkara berkaitan isu anak watan di Tanah Melayu seperti petikan berikut:

“Sudah kerap kali jua kita terjumpa anak-anak Cina negeri Selat dalam Straits Chinese Annual menyain dirinya ‘Son of the Soil’, pada hal nama gelaran yang seperti itu layak nya diletakkan pada bangsa Melayu sahaja! Apa kata anak-anak Melayu jikalau kita diperanakkan oleh ibu kita di dalam Hong Kong dan kita dengan tidak malu mengaku ‘anak watan’ Hong Kong kononnya dengan sebab bendak mendapat hak yang lebih! Nampak benarlah terang-terang bangsa Cina atau Keling atau bangsa-bangsa Asiatik yang bukan Melayu itu bendak memecah-mecah bangsa Melayu kita yang berpuluh-puluh million di pulau-pulau Melayu dan Semenanjung itu. Adakah lebih hak-bak anak Keling yang diperanakkan di Hong Kong daripada hak anak Cina Peking yang berkaum kerabat dan nikah kahwin dengan anak-anak Cina Hong Kong? (Majalah guru, Ogos 1930)

Perkara mengenai ciri-ciri anak watan Tanah Melayu tersebut dibincangkan. Hal tersebut menunjukkan bahawa masyarakat Melayu ketika mula berfikir mengenai siapa yang layak diiktiraf sebagai anak watan Tanah Melayu. Hal tersebut menunjukkan idea mengenai takrif anak watan dalam negara-bangsa Melayu di masa depan. Selain daripada isu mengenai kewaspadaan hal seperti kerakyatan negara-bangsa Tanah Melayu pada masa akan datang, isu mengenai hak-hak di Tanah Melayu juga dilontarkan seperti dalam petikan berikut:

“Segala tuntutan-tuntutan dan perintaan-permintaan bangsa-bangsa asing terutamanya orang-orang Cina dan Indian di Tanah Melayu ada diperhatikan dan bahaskan oleh anak-anak Melayu di dalam suratkhbar-suratkhbar nya, mengikut sepanjang pendapatan kita kemudian daripada telah membaca fikiran-fikiran yang telah diterbitkan dalam suratkhbar-suratkhbar dan majalah Melayu, anak-anak Melayu itu sekali-kali tidak bersetuju dengan ura-ura setengah orang,

- 1. Hendak membukakan Malayan Civil Service kepada bangsa yang lain daripada British dan Melayu.*
- 2. Hendak meluaskan Majlis Mesyuarat Federal Council dan Legislative Council dengan ditambah wakil-wakil bangsa Cina dan Indian dan ...*
- 3. Hendak memberikan beberapa ribu ekar tanah padi kepada bangsa Cina dan Indian.*
- 4. Hendak mempersekutukan sekalian negeri-negeri dalam Semenanjung ini menjadi ‘United Malaya’ sebelum orang-orang Melayu dalam negeri-negeri Melayu yang Bersekutu (FMS) ditetapkan dan ditegakkan kedudukannya baik dalam majlis Mesyuarat atau dalam jawatan-jawatan kerajaan dan ... (Saudara, 18 April 1931)*

Sejajar dengan perkara itu, isu seperti kerakyatan di Tanah Melayu mula dipersoal. Kewaspadaan terhadap bangsa pendatang di Tanah Melayu mula diketengahkan terutamanya berkaitan tuntutan yang mereka minta. Hal tersebut seperti berikut:

“Adakah ia bangsa Melayu atau bangsa asing atau pun bangsa pemerintah melainkan sama-sama memperoleh perniagaan yang cukup. Tetapi kira-kira di dalam tahun 1926, mulailah bangsa-bangsa asing itu menjeritkan Semenanjung Tanah Melayu untuk Bangsa Malayan, terus kepada hal yang berhubung dengan tuntutan bendak masuk ke dalam jawatan Malayan Civil Service daripada tidurnya yang amat lena itu.” (Majlis, 31 Mac 1932)

“Kita telah jelak mendengar pengakuan mulut bangsa yang baru direka namanya ‘Malayan’ itu; mereka mengaku bahawa mereka telah bernegerikan negeri-negeri Melayu ini dan kononnya negeri Melayu inilah watan mereka (pada mulut tidak lain). Pada masa mereka menuntut hak, tetapi adakah sebenarnya mereka bernegerikan Semenanjung Tanah Melayu?” (Majlis, 7 Nov 1932)

Petikan daripada penulisan tersebut memberi penerangan yang cukup jelas dari sudut bentuk kerakyatan negara-bangsa Tanah Melayu. Perkara tersebut jelas menggambarkan masyarakat Melayu mula menunjukkan kegusaran mengenai bentuk kerakyatan negara-bangsa Tanah Melayu di masa akan datang. Di samping itu juga, pada pertengahan dekad 1930-an terdapat isu yang dilontarkan dalam penerbitan *Warta Malaya* dan *Saudara* mengenai hal berkaitan kepentingan menghidupkan bahasa Melayu seperti petikan yang berikut:

“Kita tahu bahawa sokongan menghidupkan bahasa Melayu itu dari pihak kerajaan akan dibantah keras oleh orang-orang yang bukan Melayu, bukannya oleh kerana bahasa itu haram dipelajari pada agama mereka itu, atau pun dilarang oleh raja masing-masing, tetapi ialah oleh kerana hidupnya bahasa Melayu itu sudah tentu akan membawanya hidup bangsa itu, yang mana jika menghalang angan-angan mereka itu.” (Warta Malaya, 10 Jan 1935)

“Maka daripada pandangan mata bati saya yang tidak berapa cerah dan penglibatan mata kepala saya yang tak berapa terang, hanya ada satu jalan yang termampak oleh saya untuk menghasilkan cita-cita itu iaitu ialah dengan mengadakan ‘dewan bahasa Melayu’ pada tiap-tiap negeri yang diketuai oleh pembesar-pembesar negeri. Masing-masing seumpama barang yang telah diadakan dan dijalankan di dalam negeri Johor pada masa ini. Akan tetapi adalah pekerjaan itu bukanlah ia daripada jenis pekerjaan yang kecil dan mudah untuk diperbuat, dijalankan dengan bersendirian atau seorang berdua sahaja melainkan dengan mencantumkan punca-punca perusahaan yang banyak.” (Saudara, 10 Jun 1936)

Secara ringkas, dapat disimpulkan bahawa pada awal dekad 1930-an hingga ke penghujung merupakan dekad di mana di Tanah Melayu mula mengetengahkan isu-isu yang menampakkan idea negara-bangsa Tanah Melayu pada masa depan. Isu-isu tersebut adalah seperti kemampuan memerintah negara sendiri, anak watan, kerakyatan, hak-hak masyarakat setempat, takrif Melayu dan bahasa Melayu mula diketengahkan. Isu-isu tersebut menunjukkan bahawa idea-idea negara-bangsa Tanah Melayu apabila mencapai kemerdekaan kelak mula diketengahkan.

IDEA-IDEA NEGARA-BANGSA MULA DIPERINCIKAN PADA AWAL DEKAD 1940-AN

Pada awal dekad 1940-an, telah memperlihatkan idea-idea negara bangsa yang sebelum ini pernah diketengahkan isunya, namun pada awal dekad 1940-an perkara tersebut mula diperincikan. Antara contohnya termasuklah idea mengenai anak watan yang pernah diketengahkan, namun hal tersebut mula dibincangkan lagi yang merujuk kepada orang asli:

“Maka sebelum diisytiharkan tanah ini maka duli yang maha mulia berof tiada puas hati dengan terjemahan ‘Orang Asli’ itu difahamkan ialah orang-orang Sakai tetapi kalau digunakan perkataan ‘orang-orang Sakai’ sahaja nescaya menjadi sempit kerana terkebas kepada orang Sakai apahal orang-orang Jakun dan sebagainya tentulah berhak juga maka digunakan suatu perkataan yang meliputi segala bangsa di butan maka telah digunakan perkataan orang Asli yang mana tiada gemar Duli Yang Maha Mulia.” (Warta Malaya, 16 Nov 1940)

Perkara tersebut boleh dikaitkan dengan hal seperti anak watan, namun perbincangan yang melibatkan Orang Asli sebagai anak watan juga mula dibincangkan pada awal dekad 1940-an. Sama juga seperti takrif Melayu yang mula diperincikan perbincangannya seperti berikut:

“Adalah negeri-Negeri Melayu jajahan atau naungan British disebut Melayu dan negeri-negeri Hindia Timur jajahan Belanda pula disebut Indonesia dari itu orang-orang Indonesia bukanlah semuanya orang-orang bangsa Melayu keran orang-orang bangsa Melayu ialah mereka berasal dari negeri-negeri kawasan negeri Melayu yang betul iaitu didapati munasabah dalam lingkungan tiga persegi – menurut buku kanan PMPB Diraja Johor – lebih kurang seperti keadaan gurisan (1) utaranya dari barat sanggura membawa ke sebelah timur Sendakan dalam Borneo (Borneo Utara), (2) dari Sendakan membawa ke selat Sunda sebelah selatannya (3) dan dari situ menuju ke sebelah Aceh mengandungi pulau-pulau yang berhampiran dengan Sumatera dan bertemu Gorin itu dengan hujung gurisan yang pertama di barat Sanggura tadi.” (Warta Malaya, 27 Nov 1940)

Perincian takrif Melayu tersebut jelas menunjukkan bahawa idea negara-bangsa Tanah Melayu mula dibincangkan secara mendalam. Begitu juga halnya dengan perkara berkaitan orang Asli sebagai anak watan Tanah Melayu. Selain daripada perincian idea berkaitan anak watan dan takrif Melayu itu, idea ketetapan mengenai tukaran mata wang juga dibincangkan dalam penulisan *Warta Malaya* Seperti yang berikut:

“Setelah hampir-hampir dua minggu dengan tiada apa-apa ketetapan perjawatan berkenaan dengan harga pertukaran wang ringgit Selat (Malaya) dengan rupiah Jawa (Belanda) maka suatu ketetapan telah diisytiharkan di Singapura hari ini iaitu 88 rupiah 75 sen berharga seratus ringgit (harga jual) dan 90 rupiah berharga seratus ringgit (harga beli). (Warta Malaya, 29 Mei 1940)

Secara ringkasnya, dapat dilihat bahawa pada awal dekad 1940-an di Tanah Melayu, isu-isu yang menjurus kepada idea-idea negara-bangsa di Tanah Melayu mula diperincikan perbincangannya. Perkara-perkara tersebut termasuklah yang berkaitan dengan takrif Melayu dan hal berkaitan anak watan. Selain itu, terdapat juga isu pertukaran nilai mata wang yang dibincangkan yang mana perkara tersebut merupakan suatu kemestian yang perlu ada dalam sebuah negara-bangsa moden.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, aktiviti intelektual melalui penerbitan telah menggerakkan idea kesedaran pembinaan negara-bangsa di Tanah Melayu sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua yang melibatkan Tanah Melayu pada tahun 1941. Perkara tersebut dapat dilihat bermula pada awal abad ke-20 melalui penerbitan terawal seperti *Al-Imam*. Walaupun pada hakikatnya *Al-Imam* banyak menyentuh hal-hal berkaitan agama dan tiada ciri-ciri jelas negara-bangsa yang dibincangkan, namun secara tidak langsung *Al-Imam* juga sebenarnya mengetengahkan lontaran idea-idea berkaitan dengan pembinaan negara-bangsa di Tanah Melayu melalui penulisan isu-isunya. Idea-idea negara-bangsa dari *Al-Imam* hanya berkisar mengenai kesedaran untuk membebaskan diri daripada penjajah, kewaspadaan terhadap pentadbiran penjajah, sikap gigih bangsa asing, model negara-bangsa yang hebat dari timur dan semangat negara-bangsa Asia yang bangkit menentang penjajah. Namun, terdapat satu elemen negara-bangsa moden yang diketengahkan dalam penulisan *Al-Imam* iaitu membincangkan hal berkaitan persamaan. Persamaan tersebut merujuk kepada persamaan tempat lahir atau dibesarkan lantas perkara tersebut telah membentuk objektif atau perasaan yang sama untuk membebaskan tanah tempat dibesarkan daripada penjajah.

Lanjutan daripada itu, idea negara-bangsa pada awal dekad 1930-an hingga ke penghujung pula merupakan dekad di mana penerbitan di Tanah Melayu mula mengetengahkan idea-idea yang menampakkan ciri-ciri negara-bangsa Tanah Melayu pada masa depan. Idea-idea tersebut adalah seperti kemampuan memerintah negara sendiri, anak watan, kerakyatan, hak-hak masyarakat setempat, takrif Melayu dan bahasa Melayu mula diketengahkan. Perkara tersebut menunjukkan bahawa idea-idea negara-bangsa Tanah Melayu apabila mencapai kemerdekaan kelak mula diketengahkan.

Manakala pada awal dekad 1940-an di Tanah Melayu, idea-idea yang dapat dilihat pula menjurus kepada diperincian perbincangan mengenai idea-idea yang pernah diketengahkan sebelumnya. Perkara-perkara tersebut termasuklah yang berkaitan dengan takrif Melayu dan hal berkaitan anak watan. Selain itu, terdapat juga isu pertukaran nilai mata wang yang dibincangkan yang mana perkara tersebut merupakan suatu kemestian yang perlu ada dalam sebuah negara-bangsa moden.

BIBLIOGRAFI

- Al-Ikhwān*, 16 Sept 1926.
- Al-Imam*, Jilid 1 dan 2, 1906-1908.
- Al-Imam*, Januari 1907.
- Al-Imam*, Mac 1907.
- Al-Imam*, 12 Julai 1907.
- Al-Imam*, 10 Ogos 1907.
- Majalah Guru*, Ogos 1930.
- Majlis*, 31 Mac 1932.
- Majlis*, 7 Nov 1932.
- Saudara*, 18 April 1931.
- Saudara*, 10 Jun 1936.

- Warta Malaya*, 10 Jan 1935.
Warta Malaya, 29 Mei 1940.
Warta Malaya, 16 Nov 1940.
Warta Malaya, 27 Nov 1940.
- Abdul Rahman Embong. 2015. *Negara-Bangsa Proses & Perbabasan*. Edisi Kedua. Bangi: Penerbit UKM.
- Azmi Arifin. 2003. Feudalisme dan Pencetus Revolusi Perancis 1789. *Jurnal Ilmu Kemanusiaan* 10: 1-30.
- Hamed Mohd Adnan. 2010. Penerbitan Majalah Agama sebelum Perang Dunia Kedua: Antara Tanggungjawab sosial dengan perniagaan. *Sejarah* 18(18): 87-110.
- Kamaril Afendey Hamimi. 2018. Kaum Muda Penggerak Kesedaran Kemerdekaan Tanah Melayu 1906-1957. Tesis Dr. Fal. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kellas, J.G. 1998. *The Politics of Nationalism & Ethnicity*. Edisi ke-2. New York: St. Martin's Press.
- Khoo Kay Kim. 2001. Nasionalisme Melayu. *Jebat* 28: 43-62.
- Pauline, L.M.J. 2004. *Kemal Atatürk and the Building of a Modern Turkish Civilization*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Reynolds, C.J. 2005. Nation and state in histories of nation building, with special reference to Thailand. Dlm. Wang Gungwu (pnyt.). *Nation Building in Southeast Asian Histories*, hlm. 23. Singapore: ISEAS.
- Roff, W.R. 2005. *Nasionalisme Melayu*. Terj. Ahmad Boestamam. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Silcock, T.H. & Ungku Aziz. 1950. *Nationalism in Malaya*. 11th Conference Institute of Pacific Relations, Lucknow, India, Oktober 3-15.
- Sivachandralingam Sundara Raja. 2002. *Sejarah Eropah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Khairul Ghufuran Kaspin
Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: p103088@siswa.ukm.edu.my

Mohd Samsudin, (Ph.D)
Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: moss@ukm.edu.my

Azlizan Mat Enh (Ph.D)
Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: azlizan@ukm.edu.my

Received: 27th November 2023

Accepted: 20th February 2024

Published: 30th June 2024